

16 SEP 2001

PENIAGA DIINGAT TIDAK NAIKKAN HARGA BARANG

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Para peniaga diingatkan supaya tidak mengambil kesempatan daripada ekonomi dunia yang tidak menentu, ekoran serangan penganas terhadap Amerika Syarikat, untuk menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata sebagai rakan dagang utama Malaysia, masalah yang berlaku di Amerika akan memberi kesan kepada harga barang tetapi pedagang hendaklah bertanggungjawab dan tidak menjadikannya alasan untuk menaikkan harga.

Jumaat lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan kerajaan sekali lagi mengambil langkah fiskal bagi merangsang kegiatan ekonomi negara.

Semasa bercakap pada sidang berita selepas merasmikan seminar Kesedaran Kepenggunaan anjuran Umno Bahagian Bandar Tun Razak di sini, hari ini, Muhyiddin yakin dengan dasar ekonomi negara yang kukuh, Malaysia mampu menghadapi masalah ekonomi seperti yang berlaku sebelum ini.

-- BERNAMA  
RZS MAM RON